

# *Reviews*

## *Views from the 6ix: Sebuah Ulasan*

**Safrizal Shahir**

*Fine Art Section, School of the Arts, Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA*

[safrizalshahir@yahoo.com.my](mailto:safrizalshahir@yahoo.com.my)

**Published online:** 15 November 2016

**To cite this article:** Safrizal Shahir. 2016. Views from the 6ix: Sebuah ulasan. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 15: 159–167. <http://dx.doi.org/10.21315/ws2016.15.9>

**To link to this article:** <http://dx.doi.org/10.21315/ws2016.15.9>

Nama Pameran: *Views from the 6ix*

Tempat: G13 Gallery, Kelana Jaya

Tarikh: 16–30 Januari 2016

Dominasi catan dalam konteks perkembangan seni sezaman Malaysia adalah nyata. Walaupun seni sezaman menawarkan ruang pengucapan seni yang melangkaui sempadan biasa (bahkan sehingga ke tahap luar biasa), namun jelas kelihatan bahawa pemilihan catan sebagai satu pengucapan seni adalah terlalu dominan. Indikasi dominan itu dapat diukur dengan begitu banyaknya seniman yang memilih catan sebagai pengucapan utama seni mereka selain sebegini banyak pameran-pameran seni yang juga memberi tumpuan dan pendedahan kepada genre catan. Melihat kepada aspek dominasinya yang ketara itu, adalah menjadi harapan bahawa genre catan dapat dan berupaya menawarkan variasi gaya, tatabahasa dan *vitality* yang unik dalam konteks seni sezaman Malaysia.

Memahami konteks dan hubungan gaya dalam praktis catan masa kini pula akan membuatkan kehendak atau keinginan untuk meninjau aspek keunikan dan kelainan catan itu menjadi sebuah dilema. Keadaan ini berlaku akibat daripada premis-premis asas dalam memahami dan mempersepsikan catan secara konvensional itu bertembung dengan tekanan konteks, gaya dan idea sezaman. Pada satu peringkat, catan seakan-akan menemui dataran baru untuk membebaskan dirinya daripada kepompong modenisme melalui bahasa seni sezaman. Namun apa yang jelas kelihatan pada catan-catan yang wujud kini adalah lagu-lagu lama yang diberi gubahan baru dalam nada dan tempo semasa untuk memberi wajah

kesegaran. Pada tahap lain di sana sini terdapat nada rindu yang nostalgik mengalunkan gaya lama untuk memberi wajah kenangan atau merindukan sesuatu.

Melalui pameran *Views from the 6ix*, seramai enam orang seniman catan telah mengetengahkan karya-karya mereka. Umumnya, saya tidak dapat mengesan atau melihat sebarang tautan atau tema yang boleh diambil untuk menyatukan keenam-enam orang seniman ini. Namun, berkemungkinan genre catan itu sendiri yang menjadi medan tautan di antara keenam-enam orang seniman tersebut.

Di antara enam orang seniman tersebut, Chayanin Kwangkaew adalah seniman yang berasal dari Thailand sementara yang lainnya berasal dari Malaysia. Dari sudut penggayaan, hanya seorang yang berkarya dengan bahasa abstrak iaitu Fazrin Abd Rahman. Sementara selebihnya seramai lima orang seniman muda iaitu Chayanin Kwangkaew, Safar Zain, Heikal Taki, Arikwibowo dan Amar Shahid pula berkarya dalam nada figuratif. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, bahasa dan gaya catan yang diketengahkan oleh kesemua seniman ini merupakan suara dalam nada eklektik iaitu nada dalam catan-catannya berlegar dalam gumpalan suara di antara yang lama dan yang baharu.

Walaupun telah disebutkan bahawa kesan awal kepada keseluruhan karya-karya yang disertakan dalam pameran ini adalah mengulangi ciri catan konvensional dalam topik atau penggayaan baru, penumpuan kepada ulasan ini adalah lebih kepada soal teknik dan ciri representasi imej yang diketengahkan. Pertimbangan ini dibuat berdasarkan pemerhatian peribadi bahawa aspek teknik dan ciri representasi catan telah diberi perhatian yang agak lebih oleh seniman-seniman muda tempatan berbanding soal-soal lain seperti subjek dan konteks catan. Tanpa menafikan kepentingan ulasan terhadap aspek subjek atau konteks, secara peribadi saya berfikir dan mengambil keputusan bahawa penumpuan ulasan kepada aspek teknik dan ciri representasi sudah memadai untuk pameran ini.

Dengan melihat siri karya catan oleh Chayanin Kwangkaew, kita dapat mengesan percubaan beliau untuk mempertegaskan aspek kesatahan catan secara konvensional. Lukisan gadis secara representational realistik dalam nada hitam putih telah menekankan aspek ilusionistik tersebut. Namun, apa yang paling menarik mengenai catan ini adalah sifat gangguan yang dilakukan melalui sapuan berus liar dan sembarangan pada permukaan imej catan realistik yang telah siap. Keadaan ini saya sifatkan sebagai ciri dualistik dalam bacaan ilusionistik catan. Pertamanya, ciri gangguan ini boleh dibaca sebagai penegasan kepada sifat dan ciri ilusionistik itu sendiri dan pada waktu yang sama ciri gangguan ini boleh dibaca sebagai sebuah permainan ilusionistik terhadap aspek pigmen dan kesatahan. Gangguan ke atas imej realistik dengan menggunakan sapuan berus yang kasar dan liar adalah sebuah pemberontakan. Namun pemberontakan yang diketengahkan oleh Chayanin ini bagi saya masih bersifat terkawal. Keseluruhananya, bagi saya walaupun siri catan yang diketengahkan oleh Chayanin mempunyai potensi yang sebeginu besar untuk meneroka dan membedah isu kesatahan atau sifat ilusionistik catan secara lebih jauh dan radikal, namun apa yang dilihat adalah permainan terkawal dalam membedah isu yang dinyatakan tersebut.

Melihat karya Safar Zain pula, saya tertarik dengan kesan kontras yang dipaparkan melalui bahantara akrilik dan arang. Langgam bahasa visual yang digunakan oleh Safar dilihat selari dengan Chayanin dalam meneroka kemungkinan kontras secara hitam putih iaitu melalui penonjolan imej figura manusia secara representational realistic. Namun Safar dilihat bergerak dalam kerangka pemikiran yang lebih konseptual apabila beliau menggunakan teks sebagai salah satu elemen dalam karya. Gabungan teks berwarna merah dengan tulisan seperti *I follow therefore I am* dan *I post therefore I am* (Gambar 1) serta gambaran figura manusia secara kontras berupaya menjelas kepada kita fenomena dan dilema manusia sezaman dalam menghadapi arus kehidupan.



**Gambar 1** Safar Zain, Mainstream (diptych), 2015. Akrilik dan arang pada kanvas.  
106 × 91.5 cm. Imej: G13 Gallery.

Maka karya Safar saya fikir bergerak dalam konteks idea yang kuat serta relevan dalam memberi konotasi dan refleksi kehidupan semasa. Dari sudut penggayaan, ciri teks yang disertakan dalam karya Safar Zain ini mengingatkan kita kepada karya seniman sezaman Amerika pada tahun 1980-an iaitu Barbara Kruger yang menekankan aspek skala, ciri dan kesan grafik dalam menyampaikan pesan (mesej). Ciri teks putih berlatarbelakangkan warna merah telah menjadi trademark unggul kepada karya Barbara Kruger dan sifat ini secara kebiasaan wujud pada karya Safar Zain.

Sekali imbas karya Heikal Taki menyerlahkan ciri atau isu dalam bidang catan yang telah sebegini banyak kali diketengahkan iaitu menjelaskan aspek ruang datar atau ilusi. Pada satu tahap dapat dilihat kebijaksanaan Heikal dalam menjelmakan isu tersebut dengan membina dataran latar karya melalui corak berulang seperti kertas dinding. Di atas dataran latar itu beliau kemudiannya membina konstruksi imej secara ilusionistik seperti wajah manusia, tulang manusia atau permainan kanak-kanak (Gambar 2).



**Gambar 2** Heikal Taki, Sheltered Dreams, 2015. Akrilik pada kanvas.  
92 × 92 cm. Imej: G13 Gallery.

Elemen atau aspek paling utama dalam karya ini adalah sifat tekanan atau permainan ilusi di antara dataran dan konstruksi bentuk ilusi. Saya fikir pada satu tahap Heikal berjaya membawa aspek atau elemen ini, namun pada tahap seterusnya saya berpendapat Heikal kekurangan idea untuk menggerakkan atau membawa catan ini (termasuk konstruksi imejnya) ke tahap yang lebih segar dan unik. Apa yang dimaksudkan di sini adalah ciptaan catan yang hanya menekankan permainan tekanan ilusi secara atas tanpa sebarang agen sokongan adalah agak simplistic dalam konteks sezaman.


Dalam kalangan keenam-enam orang seniman dalam pameran ini, Arikwibowa telah menggunakan bahan-bahan yang paling biasa iaitu arang dan kolaj atas kertas. Namun kesan yang dapat dilihat agak mempersonakan. Karya arang atas kertas ini bukan lagi atau bukan hanya berkenaan ilusi gambaran representational realistik yang membuatkan pemerhati terpegun dengan kemahiran gubahannya. Bahkan saya amat gembira melihat karya ini kerana Arikwibowa telah meruntuhkan persepsi bahawa karya arang atas kertas hanya membeku tanpa sebarang inovasi dan penerokaan teknik yang signifikan. Dengan menampal dan mengoyakkan kertas lukisan yang kemudiannya dilukiskan imej figura manusia secara realistik di atasnya, saya fikir Arikwibowa telah membawa lukisan ke tahap yang lebih segar dengan kemajuan teknik dalam memberi konteks kepada imej yang direpresentasikan. Ciri atau kesan gangguan ke atas gambaran imej utama melalui jalinan sebenar (*actual texture*) inilah yang merupakan tumpuan utama dalam karya ini berbanding keutamaan sebelum ini yang diberikan untuk merenung atau melihat kehebatan seniman melukis bentuk tubuh atau subjek karya.

Secara peribadi, karya Amarshahid amat memikat. Ia menyerlahkan sisi nostalgik dalam konstruksi imej yang begitu tersendiri. Dengan menggunakan fotografi berwarna yang telah sedikit usang selain kesan warna magentanya yang agak kuat, catan Amarshid telah menyerlahkan ciri keunikan yang amat menarik. Catan ini mengingatkan kita dengan ciri fotografi lama dalam simpanan keluarga. Fotografi dengan ciri warna yang sedikit meluntur dan kesan hakisan akibat tindak balas terhadap air atau peluh akibat tidak disimpan dengan

sempurna telah membawa suatu tanda atau kesan masa yang tersendiri. Apa yang lebih menarik daripada itu adalah kesan rakaman fotografi tersebut yang ditandai oleh ciri amatur yang ketara – gambar biasanya tidak seimbang dari sudut visual, tumpuan atau fokus utama gambar agak tersasar atau gambar diambil secara sembarangan. Ciri atau sifat amatur pada gambar inilah yang merupakan perasa yang membuatkan karya catan Amarshahid ini begitu istimewa. Subjeknya adalah manusia biasa atau masyarakat kampung yang sedang melalui kehidupan harianya dan ciri ini memberi keunikan yang tersendiri memandangkan catan ini mengetengahkan subjek yang kelihatan tidak penting dalam suasana yang tidak penting oleh pengambil gambar yang tidak diketahui tentunya (juga tidak penting). Ciri ketidakpentingan, kelumrahan, amatur, hakisan dan ketidakseimbangan melalui bidang fotografi dalam karya ini telah memberi tindak balas unik dalam terjemahan bahasa catan.

Karya catan abstrak adalah berkenaan penerokaan bahantara di atas pelantar yang bertujuan mencari esensi kepada ciri bahantara itu sendiri. Karya oleh Fazrin Abd. Rahman dilihat meneroka dan mempertegaskan ciri dataran permukaan. Permukaan yang datar itu diuji dengan penerokaan serta sifat tindak balas bahantara yang dipilihnya iaitu cat sembur (*spray paint*). Dengan membina ruang seperti kotak-kotak kecil di atas permukaan aluminium yang dijadikan dataran kepada catannya, Fazrin telah membina ruang positif dan negatif yang ketara (Gambar 3).

Ruang-ruang ini yang kemudiannya bertautan dengan elemen warna yang dizahirkan melalui cat sembur telah membina bentuk unik yang berpetak-petak (seakan-akan seperti petak dam atau chess yang diwarnakan). Ciri eksplorasi ilusi ini bagi saya adalah segar dalam konteks catan abstrak kerana ia pada suatu tahap walaupun bersifat ilusionistik namun ia menghadapi masalah dalam membina kedalaman ruang (walaupun wujud ruang positif dan negatif yang ketara). Keseluruhannya, karya Fazrin tidaklah sebegitu berjaya, namun ciri eksplorasi catannya melalui aplikasi cat, konstruksi ruang, pemilihan pelantar dan bahantaranya yang tersendiri membuatkan karyanya itu bersifat tersendiri.



**Gambar 3** Fazrin Abd. Rahman, *The Bubbles Series*, 2016. Semburan cat pada aluminium.  
391 × 91.5 cm. Imej: G13 Gallery.

Pada suatu tahap, pameran *View from the 6ix* dilihat seakan-akan sebuah pameran seni (dalam kes ini catan) yang biasa dilihat atau diadakan di Kuala Lumpur. Ia tidak mengandungi keistimewaan, kegemparan, kejutan atau ciri novelty dalam aspek dan wacana catan. Namun dari satu sudut, saya melihat bahawa pameran ini dengan segenap kebiasaannya di samping percubaan-percubaan untuk memberi "kesegaran catan" telah membentangkan satu aspek lain yang saya fikir tersendiri dalam ukuran Malaysia. Ia mendedahkan ciri atau keadaan semasa dalam aspek praktis catan di Malaysia seperti sebuah bazar produk (catan) yang dicirikan dengan perbezaan-perbezaan eksplorasi teknik dan ciri representasi. Usaha seniman catan telah seakan-akan tertumpu kepada aspek kesegaran teknik dan ciri representasi dalam membina perbezaan di antara satu catan dengan catan yang lain. Maka pameran ini telah berjaya membentangkan aspek tersebut dengan jelas berbanding usaha-usaha lain. Walaupun pada suatu tahap boleh dihujahkan bahawa aspek subjek dan konteks karya dalam pameran ini sebenarnya boleh diulas dan diperbahaskan dengan lebih lanjut dan mempunyai kekuatan yang juga sama ketara dengan aspek tekniknya. Namun pada tahap ini saya melihat aspek teknik lebih diberi tumpuan dan menguasai ciri pembuatan karya itu berbanding aspek subjek atau konteks.